



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
JABATAN KEBUDAYAAN
DAN KESENIAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

www.jkkn.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 29/2022

“**ALERT**”: 10 Pelajar Antarabangsa daripada Zimbabwe, China, Papua New Guinea, Somali, Sri Lanka, Bangladesh, South Korea dan Vietnam berjaya ke Peringkat Akhir Pertandingan Nyanyian Lagu Melayu Antarabangsa (PALMA).

MEMPERKASAKAN BAHASA MELAYU DI PERINGKAT ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR, 30 November 2022 - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) menerusi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dengan kerjasama Persatuan Badan Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka serta Asia Pacific University (APU) akan mengadakan **Pertandingan Nyanyian Lagu Melayu Antarabangsa (PALMA) 2022 Peringkat Akhir pada malam ini pukul 8.30 malam di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.**

Edisi ke-7 penganjuran PALMA ini diadakan adalah bertujuan bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu sebagai asas perpaduan dan ilmu dalam kalangan pelajar luar dan peringkat antarabangsa, serta memartabatkan Bahasa Melayu di peringkat antarabangsa. Selain itu juga, melalui pertandingan ini ianya dapat mempopularkan lagu Melayu kepada masyarakat luar sebagai medium memperkasakan penggunaan bahasa Melayu dan dapat memperkenalkan Malaysia kepada masyarakat luar dalam usaha meningkatkan industri pelancongan negara.

Pada malam ini peserta akan menyampaikan dua buah lagu, iaitu lagu wajib (lagu Irama Malaysia) dan lagu pilihan (lagu malar segar) yang telah dipilih dan diiringi oleh kumpulan kombo secara langsung. Semua peserta telah menghadiri bengkel dan diberi bimbingan oleh dua orang guru vokal (tradisional dan malar segar) pada 27-29 November 2022 yang lalu.

Juara akan membawa pulang wang tunai sebanyak RM8,000.00 , Naib Juara akan membawa pulang RM5,000 dan tempat ke-3 membawa pulang RM3,000. Persembahan Terbaik, Vokal Terbaik dan Saguhati masing-masing akan membawa pulang wang tunai RM1,000 beserta sijil penyertaan. Persembahan nyanyian peserta akan diadili oleh juri professional iaitu Dato' Mokhzani Ismail, Dato' Wan Aishah binti Wan Ariffin dan Encik Ramlan Imam.

“Pihak JKKN amat menggalakkan penglibatan pelajar antarabangsa yang belajar di Malaysia untuk menyertai aktiviti seperti ini bagi mempelajari Bahasa Melayu disamping dapat mengenali budaya masyarakat Malaysia. PALMA bertindak sebagai platform untuk pelajar antarabangsa menyerlahkan bakat nyanyian dalam Bahasa Melayu”. kata Tuan Haji Mesran bin Mohd Yusop, Ketua Pengarah, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN).

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari media sosial JKKN melalui pautan www.facebook.com/mysenibudaya.

-TAMAT-

Dikeluarkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

Laman Sesawang: www.jkkn.gov.my **E-mel:** ukk@jkkn.gov.my

Platform Media Sosial Rasmi JKKN:

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya
Instagram, Twitter & YouTube: @mysenibudaya

Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi

Mazidah binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN mazidah@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 012-952 2095	Nurhidayah binti Zakaria Penolong Pegawai Penerangan Unit Komunikasi Korporat, JKKN nurhidayah@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 019-559 6404
--	---

LAMPIRAN**SENARAI PESERTA AKHIR PERTANDINGAN NYANYIAN LAGU MELAYU
ANTARABANGSA (PALMA) 2022**

BIL	NAMA PESERTA	JANTINA	UNIVERSITI	NEGARA	TAJUK LAGU	PENYANYI
1	Ashley Mutanaugwa	Perempuan	Asia Pacific University (APU)	Zimbabwe	Cinta	Marsha Milan
2	Chen Xu	Lelaki	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	China	Bahagiamu Deritaku	Hafiz
3	Shannon Nalam Adrianna Kamilus	Perempuan	Sunway College	Papua New Guinea	Terlalu Istimewa	Adibah Noor
4	Abdullahi Abdi Abubakar Hassan	Lelaki	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	Somali	Sumpah	Naim Daniel
5	Ranepura Hewage Janithi Jinethra Ranepura	Perempuan	Management and Science University (MSU)	Sri Lanka	Semalam	Aina Abdul
6	Sujana Shafi	Perempuan	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	Bangladesh	Perasaanku	Fieya Julia
7	HUANG YUXIAO	Perempuan	Universiti Malaya (UM)	China	Satu Hari Nanti	Najwa Latif
8	Choi Jiyeon	Perempuan	Universiti Malaya (UM)	South Korea	Terukir di Bintang	Yuna
9	Mohamach Rouslan	Lelaki	University Sains Malaysia (USM)	Vietnam	Andainya Takdir	Anuar Zain
10	Pan Hui	Perempuan	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	China	Anta Permana	Dato Sri Siti Nurhaliza